



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 16 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	ORANG RAMAI DIJEMPUT MERIAHKAN PROGRAM SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA BELURAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**



16 SEP, 2022

## Orang ramai dijemput meriahkan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Orang ramai dijemput meriahkan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran

Oleh Siti Aisyah Narudin

**BELURAN:** Masyarakat di daerah ini berpeluang menyertai dan memeriahkan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bermula esok (17 September).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee akan merasmikan program selama dua hari itu.

Program berkenaan adalah rangkuman kesemua produk di bawah MAFI yang bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar.

Selain itu, ia juga menjadi platform dalam menyampaikan maklumat mengenai pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

Pelbagai aktiviti seperti Jualan Murah Keluarga Ma-

laysia, My Best Buy Keluarga Malaysia, Kenduri Rakyat, Pameran Jabatan dan Agensi, Program Dialog Industri dan Peningkatan Kapasiti Nelayan, Program Agropreneur Muda, Sukan Rakyat, serta Pemimpin Bersama Komuniti bakal dilaksanakan sepanjang program itu.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata, program itu adalah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap inisiatif pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui MAFI.

Katanya, pelaksanaan program itu turut memberikan jaminan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka.

Sempena dengan program itu, beliau dijangka menyaksikan sesi penyerahan Pasar

Tamu Beluran kepada Majlis Daerah Beluran.

Turut diadakan penyerahan peralatan pertanian oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), penyerahan elan sara hidup nelayan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan penyerahan kit MAFI Prihatin.

MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membangunkan pasar tamu keempat negeri Sabah di Beluran.

Projek Naik Taraf Pasar Tamu di Beluran siap pada pertengahan Mei lepas di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang berjumlah RM746,000.

Projek naik taraf pasar tamu berkenaan memberi manfaat kepada 120 peserta sedia ada dan sekaligus dapat memberi keselesaan kepada para peserta dan pengunjung di daerah ini.

Selain simbolik perasmian pasar tamu Beluran, beberapa penyerahan insentif kepada komuniti agromakanan juga diadakan seperti penyerahan sumbangan kepada asnaf di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) daerah Beluran.

Turut diadakan penyerahan sumbangan perlindungan takaful kemalangan diri oleh Agro Bank Malaysia, penyerahan peralatan pertanian oleh KADA, elan sara hidup nelayan darat oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), elan sara hidup nelayan laut dan penyerahan Projek Naik Taraf Jeti Nelayan oleh LKIM, serta penyerahan kit serta pelepasan lori MAFI Prihatin.

Sementara itu, menjelang pembentangan Bajet 2023 pada Oktober ini, MAFI mengemukakan pelbagai cadangan dan inisiatif kementerian dalam usaha berterusan memperkasakan

sekitari makanan negara serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran, terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan.

Dalam memacu sektor agromakanan negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), fokus MAFI dalam bajet kali ini ke arah pengukuhan momentum pemuliharaan ekonomi, pengukuhan daya tahan ekonomi, serta pelaksanaan pembaharuan komprehensif.

MAFI akan terus menjalankan tanggungjawab mengambil langkah-langkah dan mengolah dasar agromakanan yang berimpak tinggi supaya sektor agromakanan negara terus kekal utuh dan terjaga demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Ia sekali gus menjadikan sektor pertanian dan agromakanan sebagai salah satu jentera utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

**SEMARAK:** Orang ramai dijemput hadir bagimenjayakan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran bermula Sabtu ini.



16 SEP, 2022

## Orang ramai dijemput meriahkan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BELURAN: Masyarakat di daerah ini berpeluang menyertai dan memeriahkan Program SemarakTaniKeluarga Malaysia Beluran anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bermula esok (17 September). Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee akan merasmikan program selama dua hari itu. Program berkenaan adalah rangkumar kesemua produk di bawah MAFI yang bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar.